

## GECommunity 2:0 bakal berlangsung Disember ini

Utusan Malaysia

25 Oktober 2017 | Rabu



NAJIB TUN RAZAK bersama pemenang-pemenang anugerah pada majlis perasmian Komuniti Keusahawanan Global (GECommunity) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur, tahun lalu.

## GECommunity 2:0 bakal berlangsung Disember ini

**PUTRAJAYA 25 Okt.** - Kejayaan penganjuran Komuniti Keusahawanan Global (GECommunity) pada tahun lalu menyaksikan program tersebut bakal diadakan sekali lagi pada tahun ini dengan skala lebih besar.

Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, program GECommunity 2.0 yang dijadualkan dilancarkan pada 12 Disember ini akan menggabungkan sebanyak lima program besar keusahawanan.

"Lima program keusahawanan yang akan diadakan ialah GECommunity oleh Kementerian Kewangan, Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan program keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Selain itu, turut dianjurkan ialah seminar dan persidangan awam Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Anugerah

Strategi Lautan Biru dan Anugerah Perkhidmatan Strategi Lautan Biru," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Aminuddin berkata, program GECommunity yang diadakan pada tahun lalu telah mencipta sejarah tersendiri apabila lebih 20 pemain industri yang mencipta fenomena di peringkat global seperti Uber, KFIT, Microsoft dan Grab hadir dalam persidangan tersebut.

Beliau berkata, pada tahun ini dijangkakan sebanyak 1,000 usahawan global yang berpengaruh akan terlibat dalam program tersebut.

Pada masa sama, katanya, pihaknya menyasarkan sebanyak 5,000 peserta akan menghadiri program yang bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu.

Katanya, sebanyak 100 bengkel berkaitan GECommunity akan berlangsung dengan memfokuskan kepada perbincangan

secara mendalam mengenai 15 bidang utama.

"Untuk kali ini bidang utama yang akan diberi fokus ialah kepintaran buatan (*artificial intelligence* atau AI), mesin pembelajaran, e-dagang dan runcit, fesyen dan kecantikan, makanan dan minuman serta perkakasan dan *Internet of Things* (IoT) atau peranti internet berhubung sesama sendiri.

"Bidang lain yang akan mengambil tempat dalam persidangan selama dua hari itu ialah kesihatan dan biotech, media, permainan digital dan hiburan, pengangkutan, keselamatan dan teknologi maklumat, virtual realiti, pendidikan, inovasi sosial, teknologi kewangan (*fintech*), kreativiti dan bandar pintar," katanya.

Beliau berkata, objektif utama penganjuran bengkel tersebut ialah untuk mencari idea baharu dan mencipta peluang untuk mentransformasi idea tersebut.